

Kerja pembersihan tak konsisten

KEPONG - Kegagalan pihak berwajib melakukan penyelenggaraan secara konsisten di Taman Ehsan menyebabkan longkang monsun ditumbuhi semak dan pokok setinggi satu meter sehingga menutup tebing konkrit.

Menurut seorang penduduk, Mohd Mustafa Mydin, 60-an, lewat kebelakangan ini didapati kerja pembersihan yang sepatutnya dilakukan dua kali sebulan tidak dilaksanakan mengikut waktu yang ditetapkan.

“Dua aduan dibuat untuk tahun ini iaitu Februari dan Oktober, tetapi jawapan yang diterima adalah permasalahan tidak di tahap kritikal.

“Tidak menjalankan kerja pembersihan mengikut jadual dikhuatiri akan menyebabkan kos penyelenggaraan me-



Tebing konkrit tidak kelihatan setelah ditutupi semak dan pokok.

ningkat selain merosakkan tebing konkrit disebabkan akar pokok,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Katanya, perkara sama sebelum ini pernah dilaporkan tetapi ia bersifat sementara dan hanya bertindak selepas


aduan dibuat.

Mohd Mustafa turut melahirkan ke-bimbangan peningkatan kes denggi disebabkan tidak menjaga kebersihan pada longkang monsun.

“Longkang kecil pada kawasan taman dibersihkan tetapi tidak faham kenapa longkang monsun dibiarkan bersemak-samun dan ditumbuhi pokok-pokok besar.

“Keadaan ini bukan hanya mencacatkan pemandangan tetapi juga mengundang kehadiran nyamuk dan haiwan berbisa seperti ular,” katanya.

Justeru katanya, perkara ini perlu diambil serius dan tindakan kerana turut menjejaskan imej Pakatan Rakyat sebagai wakil di Selangor.



“Longkang kecil pada kawasan taman dibersihkan tetapi tidak faham kenapa longkang monsun dibiarkan bersemak-samun dan ditumbuhi pokok-pokok besar.”

Mohd Mustafa